

# كتاب الإيمان

بسم الله الرحمن الرحيم

## KITAB TENTANG IMAN

باب قول النبي صلى الله عليه وسلم بني الإسلام على خمسٍ وهو قول وفعل ويزيد وينقص قال الله تعالى (ليزدادوا إيماناً مع إيمانهم) (وزيدناهم هدى) (ويزيد الله الذين اهتدوا هدى) (والذين اهتدوا زادهم هدى وآتاهم تقواهم) وقوله (وزيداد الذين آمنوا إيماناً) وقوله (أيكم زادت هذه إيماناً فأما الذين آمنوا فزادتهم إيماناً) وقوله جل ذكره (فاخشوهم فزادهم إيماناً) وقوله تعالى (وما زادهم إلا إيماناً وسليماً) كوالحب في الله والبغض في الله لمن الإيمان وكتب عمر بن عبد العزيز إلى عدي بن عدي إن للإيمان فرائض وشرائع وحدوداً وسنناً فمن استكملها استكمل الإيمان ومن لم يستكملها لم يستكمل الإيمان فإن أعش فسأيتها لكم حتى تعملوا بها وإن أمت فما أنا على صحبتكم بحريص وقال إبراهيم صلى الله عليه وسلم (ولكن ليطمئن قلبي) وقال معاذ بن جبل اجلس بنا تؤمن ساعة وقال ابن مسعود اليقين الإيمان كله وقال ابن عمر لا يبلغ العبد حقيقة التقوى حتى يدع ما حاك في الصدر وقال مجاهد (شرع لكم من الدين) أوصيتك يا محمد وآياه ديناً واحداً وقال ابن عباس (شرعة ومنهاجاً) سبيلاً وسنة (دعواؤكم) إيمانكم لقوله عز وجل (قل ما يعبا بكم ربي لولا دعواؤكم) ومعنى الدعاء في اللغة الإيمان

## Bab 2 : Sabda Nabi SAW "Islam Di Bina Atas Lima Perkara"

Islam adalah ucapan dan perbuatan, ia boleh bertambah dan berkurang. Allah Ta'ala berfirman : **لِيُزَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ** bermaksud: "Supaya bertambah keimanan mereka di samping keimanan yang telah sedia ada (pada mereka)". FirmanNya lagi: **وَزِدْنَاهُمْ هُدًى** bermaksud:

"Dan kami tambah kepada mereka pertunjuk". FirmanNya lagi: **وَيَزِيدُ اللَّهُ الَّذِينَ اهْتَدَوْا هُدًى** bermaksud "Dan Allah menambah (lagi) hidayat kepada mereka yang telah mendapat hidayat". FirmanNya lagi: **وَالَّذِينَ اهْتَدَوْا زَادَهُمْ هُدًى وَآتَاهُمْ تَقْوَاهُمْ** bermaksud: "Dan kepada orang-orang yang telah mendapat hidayat, ditambahNya lagi hidayat dan diberiNya kepada mereka ketaqwaan". FirmanNya lagi: **وَزِدَادَ الَّذِينَ آمَنُوا إِيمَانًا** bermaksud: "Dan supaya bertambah iman orang-orang yang telah beriman. FirmanNya lagi : **أَيُّكُمْ زَادَتْهُ هَذِهِ إِيمَانًا فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَرَأَدَتْهُمْ إِيمَانًا** :

bermaksud: "Siapakah di antara kamu yang bertambah imannya, dengan (turunnya) surah ini?" "Adapun orang-orang yang beriman, maka surah ini menambah imannya."

FirmanNya lagi: **فَاخْشَوْهُمْ فَرَادَتْهُمْ إِيمَانًا** bermaksud: " (Orang-orang munafiq berkata) Takutlah kepada mereka (pasukan tentera kuffar quraisy), maka kata-kata itu semakin menambahkan lagi iman mereka". FirmanNya lagi: **وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا** bermaksud:

"Tidaklah menambah kepada mereka melainkan keimanan dan penyerahan." (Bab) Cinta

kerana Allah dan benci kerana Allah adalah sebahagian daripada iman. 'Umar bin 'Abdul 'Aziz pernah menulis surat kepada 'Adi bin 'Adi (di mana beliau menyatakan):

"Bahawa di dalam iman terkandung banyak kewajiban, peraturan, batas-batas (yang tidak boleh dicerobohi) dan perkara-perkara sunat. Sesiapa yang menyempurnakannya bererti dia menyempurnakan iman, dan sesiapa yang tidak menyempurnakannya, bererti dia mengurangnya. Jika saya masih hidup, saya akan terangkan kepadamu tentang perkara-perkara tersebut supaya kamu dapat beramal dengannya, tetapi jika aku mati maka tidaklah teringin sangat aku untuk terus bersamamu. Ibrahim a.s berkata : (firman Allah)

وَلَكِنْ لِيُطْمَئِنَّ قُلُوبُكُمْ bermaksud: "Akan tetapi supaya tenang hatiku". Mu'adz berkata (kepada

Aswad bin Bilal): "Duduklah bersama kami sejenak untuk menambah iman (iaitu dengan mengingat ajaran Allah dan Rasulnya)". Ibn Mas'ud berkata : "Yakin itu iman kesemuanya". Ibn 'Umar berkata : "Seseorang itu tidak akan sampai kepada hakikat taqwa, selagi dia tidak meninggalkan apa-apa yang (diragui) <sup>Sudahlah</sup> hati sanubarinya. Dan

➤ Mujahid berkata (ketika mentafsirkan firman Allah ini): مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا bermaksud: (Tabi'in)

"Dia telah memberikan kepadamu agama, yang juga telah diberiNya kepada Nuh". Ya'ni,

➤ "Kami telah berikan kepadamu hai Muhammad dan kepadanya agama yang sama."

Dan Ibnu 'Abbas berkata (ketika mentafsirkan dua perkataan dalam satu firman Allah

iaitu): شَرْعًا وَمَنْهَاجًا (maksudnya ialah) jalan dan cara. Beliau juga berkata: دُعَاؤُكُمْ (ma'nanya)

ialah iman kamu."

٧ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى قَالَ أَخْبَرَنَا حَنْظَلَةُ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ خَالِدٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ ﷺ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْحَجَّ وَصَوْمَ رَمَضَانَ ﴿

7- 'Ubaidullah bin Musa telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Hanzalah bin Abi Sufyan telah meriwayatkan kepada kami (diambilnya) dari 'Ikrimah bin Khalid dari Ibni 'Umar r.a katanya, Rasulullah SAW bersabda : "Islam dibina (ditegakkan) atas lima perkara, iaitu bersaksi, bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, mengerjakan Haji, dan berpuasa di bulan Ramadhan".